



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN (TOBTAB)

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- 1.1. Syarikat Sendirian Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016.
- 1.2. Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan dan had ekuiti yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**. (Syarikat yang mempunyai pegangan saham Syarikat Asing dengan ekuiti melebihi 51% tidak dibenarkan memiliki lesen Kenderaan Pelancongan bagi syarikat di Sabah, Sarawak dan WP Labuan).
- 1.3. Pemegang Saham tidak mempunyai kepentingan (ekuiti saham) dalam mana-mana syarikat pengusahaan pelancongan yang berlesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*].
- 1.4. Akaun bank syarikat hanya ditandatangani oleh pemegang saham dan pengarah syarikat sahaja atau mana-mana individu yang dilantik oleh syarikat secara rasmi.
- 1.5. Pemegang saham syarikat asing hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang pelancongan.
- 1.6. Nama syarikat hendaklah melambangkan syarikat yang menjalankan Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (*travel, tours, holiday, vacation, adventure* dan sebagainya) dan bukan dalam senarai hitam Kementerian.
- 1.7. *Nature of Business* di dalam e-Info SSM hendaklah menyatakan perniagaan yang dijalankan adalah Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan/atau Perniagaan Agensi Pengembaraan (*To carry business in Tour Operating Business and / or Travel Agency Business*).

- 1.8. Bebas daripada kompaun di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [*Akta 594*] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan) dan tuntutan award tertunggak dalam sektor pelancongan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).
- 1.9. Mana-mana syarikat yang mengiklankan pakej *Inbound, Outbound* dan/atau *TAB* hendaklah memasukkan perkara – perkara berikut di dalam platform atau brosur:
 - (a) Nombor lesen;
 - (b) Nama perniagaan yang di bawahnya ia menjalankan perniagaan itu dan alamat di mana perniagaan sedemikian dijalankan; dan
 - (c) Apa-apa butir lain yang berhubungan dengan mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan seperti pendaftaran syarikat SSM, nombor telefon, e-mel, logo syarikat dan sebagainya.
- 1.10. Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Saham syarikat bukanlah daripada kakitangan yang sedang berkhidmat di Bahagian Pelesenan Pelancongan MOTAC dan Pejabat MOTAC Negeri.

2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:

- 2.1. E-Info SSM yang terkini (tarikh cetakan dokumen sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh permohonan).
- 2.2. Salinan berwarna MyKad (Warganegara Malaysia)/salinan berwarna Pasport (Bukan Warganegara Malaysia) bagi Pemegang Saham dan Ahli Lembaga Pengarah.
- 2.3. Ahli Lembaga Pengarah warganegara asing hendaklah memiliki Pas pengajian terlebih dahulu.
- 2.4. Bagi syarikat asing salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat yang hendaklah disahkan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) atau Kedutaan Malaysia atau Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di negara berkenaan.
- 2.5. Surat Aku Janji daripada Pengarah Syarikat, Borang BA/2 (Lampiran B).
- 2.6. Surat pengesahan pendaftaran PERKESO bagi syarikat sepertimana ketetapan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi keperluan berkanun dan mencarum dengan PERKESO.

2.7. Maklumat perbankan:

- i. Muka hadapan penyata akaun semua bank atas nama syarikat yang memohon.
- ii. *Director Resolution* bagi semua akaun yang dibuka atas nama syarikat yang memohon.

2.8. Surat hubungan kerjasama perniagaan dengan pengusaha agensi pelancongan luar negara dan deraf cadangan pakej pelancongan bagi permohonan lesen bidang *Outbound*.

3. TATACARA PERMOHONAN:

- 3.1. Melengkapkan maklumat permohonan dalam Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP) melalui laman sesawang www.spip.gov.my.
- 3.2. Semua dokumen seperti yang dinyatakan di perenggan 2 hendaklah dimuat naik ke dalam SPIP.

4. FI PEMROSESAN:

- 4.1. Pembayaran secara *online* RM100.00 bagi setiap permohonan di www.spip.gov.my.; atau
- 4.2. Pembayaran secara manual RM100.00 dalam bentuk Wang Pos/ Deraf Bank/ Kiriman Wang sahaja atas nama PESURUHJAYA PELANCONGAN.

5. KEPUTUSAN PERMOHONAN: Surat keputusan permohonan akan dihantar secara e-mel dan pos kepada setiausaha syarikat dan salinan kepada Pejabat MOTAC Negeri.

6. SYARAT-SYARAT PENYEDIAAN PREMIS:

6.1 Bagi permohonan yang telah DIPERTIMBANGKAN:

- (a) Dalam keadaan pemohon telah menyediakan premis perniagaan, mempunyai lesen PBT, serta menyediakan dokumen yang lengkap seperti di perenggan 2 bagi maksud menjalankan Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan/atau Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) dan telah bersedia menjalankan perniagaan, pemohon hendaklah membuat pembayaran fi lesen untuk cetakan dan serahan Pejabat MOTAC Negeri; atau

(b) Dalam keadaan pemohon belum menyediakan premis perniagaan, belum mempunyai lesen PBT atau belum melengkapkan dokumen sokongan, pemohon hendaklah memenuhi syarat pra-lesen sebelum membuat pembayaran fi lesen untuk cetakan dan serahan Pejabat MOTAC Negeri seperti di bawah:

- i. Menyediakan premis perniagaan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh surat kelulusan mengikut kriteria-kriteria seperti berikut:
 - Keperluan keluasan premis minima 100 kaki persegi;
 - Premis operasi Ibu Pejabat adalah berstruktur dan mempunyai alamat tetap; dan
 - Premis mestilah berada di kawasan yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk beroperasi sebagai tempat perniagaan.

Nota: Surat kelulusan sementara yang dikeluarkan bagi Perenggan 6.1(b) adalah terpakai bagi tempoh enam (6) bulan sahaja. Kegagalan pemohon dalam menyediakan premis serta melengkapkan dokumen sokongan seperti di Perenggan 6.1 (b) akan menyebabkan surat kelulusan terbatal dan permohonan baharu hendaklah dikemukakan.

- ii. Mengemukakan dokumen untuk tujuan pemeriksaan premis iaitu :
 - Salinan perjanjian penyewaan premis (*Tenancy Agreement*) yang ditandatangani oleh pemilik syarikat dan telah dimatikan setem serta masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya untuk tempoh satu (1) tahun atau salinan *Sales & Purchase* (S&P) jika premis adalah milik syarikat;
 - Lakaran pelan lantai; dan
 - Gambar berwarna bahagian dalam & luar premis.

Tempoh pemeriksaan premis oleh Pejabat MOTAC Negeri hendaklah dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran C**.

- iii. Mengemukakan salinan Sijil *Travel and Tour Management Course* (TTMC) yang masih sah laku sekurang – kurangnya setahun daripada tarikh menghadiri kursus.

Sekurang-kurangnya seorang wakil syarikat telah menghadiri kursus TTMC yang dianjurkan oleh Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berlesen. Wakil syarikat adalah seperti berikut:

- Ahli Lembaga Pengarah; atau
 - Kakitangan yang berada di peringkat Pengurusan Tertinggi syarikat (Contohnya Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pegawai Operasi/ Pengurus Besar dsb).
- iv. Mengemukakan salinan Sijil Keahlian Persatuan Pelancongan semasa yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia seperti di **Lampiran D**.
- v. Menjelaskan fi lesen:
Setelah menerima Surat Makluman daripada Pejabat MOTAC Negeri yang berkenaan yang menyatakan premis berkenaan telah memenuhi semua syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

6.2 Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:

Syarikat berhak mengemukakan rayuan secara atas talian melalui www.spip.gov.my atau manual ke Unit TOBTAB, Bahagian Pelesenan Pelancongan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat keputusan dikeluarkan dengan mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan berdasarkan alasan penolakan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif.

7. PIAGAM PELANGGAN:

Kelulusan:

Cetakan dan serahan lesen daripada Pejabat MOTAC Negeri kepada syarikat akan dibuat dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh pembayaran fi lesen diterima.

Penyediaan surat kelulusan sementara:

5 hari bekerja di peringkat Ibu Pejabat dari tarikh Pesuruhjaya Pelancongan menandatangani Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Perakuan Permohonan dan Rayuan Lesen (MJPPRL) kepada Pejabat MOTAC Negeri.

- 8. PERINGATAN:** Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen jika dia berpuashati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pesuruhjaya maklumat, dokumen atau

perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana – mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu. (Perenggan 8 (1) (c) – [Akta 482].

9. FI LESEN:

| BIL. | BIDANG | TEMPOH LESEN | FI LESEN | FI LESEN TAMBAHAN |
|------|--|--------------|----------|-------------------|
| 1. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri | 1 tahun | RM250.00 | RM150.00 |
| 2. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Selain Umrah atau Ziarah | 1 tahun | RM500.00 | RM350.00 |
| 3. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah | 1 tahun | RM500.00 | RM350.00 |
| 4. | Perniagaan Agensi Pengembaraan | 1 tahun | RM200.00 | RM100.00 |

** Rujuk Jadual Kedua (Peraturan 4, 7, 8 dan 9) Peraturan–Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992.*

10. TARIKH KUATKUASA:

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2021.

LAMPIRAN A

**SYARAT-SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR
SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN & PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

| | JENIS PERNIAGAAN | PEMEGANG SAHAM | HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA) | LOKASI PREMIS | MODAL BERBAYAR DITERBITKAN (MINIMA) |
|-----|--|--------------------------------------|--|----------------------|-------------------------------------|
| 1. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri | Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN) | 100% | Bandar / Luar Bandar | RM 1,500,000.00 |
| 2. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan | Syarikat Asing (ASEAN) | 70% - Singapura / Kemboja sahaja 51% - Selain Singapura / Kemboja | Bandar / Luar Bandar | RM 1,000,000.00 |
| 3. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan | Syarikat Asing (Bukan ASEAN) | 30% | Bandar / Luar Bandar | RM 500,000.00 |
| 4. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri | Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN) | Tidak Dibenarkan | Tidak Berkaitan | Tidak Berkaitan |
| 5. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri | Warganegara / Syarikat Tempatan | 100% | Bandar | RM 200,000.00 |
| | | | | Luar Bandar | RM 50,000.00 |
| 6. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri | Warganegara / Syarikat Tempatan | 100% | Bandar / Luar Bandar | RM 200,000.00 |
| 7. | Perniagaan Agensi Pengembaraan | Warganegara / Syarikat Tempatan | 100% | Bandar | RM 200,000.00 |
| | | | | Luar Bandar | RM 100,000.00 |
| 8. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam & Luar Negeri | Warganegara / Syarikat Tempatan | 100% | Bandar / Luar Bandar | RM 200,000.00 |
| 9. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan | Warganegara / Syarikat Tempatan | 100% | Bandar | RM 200,000.00 |
| | | | | Luar Bandar | RM 150,000.00 |
| 10. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan | Warganegara / Syarikat Tempatan | 100% | Bandar / Luar Bandar | RM 200,000.00 |
| 11. | Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam & Luar Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaraan | Warganegara / Syarikat Tempatan | 100% | Bandar / Luar Bandar | RM 200,000.00 |

Nota:(1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Malis Bandaraya** dan **Malis Perbandaran**.

(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Malis Daerah**

(3) Modal Berbayar ditetapkan kepada RM50,000 bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Pulau Langkawi, Negeri Perlis dan pulau-pulau di peranginan di Pahang bagi lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan dalam Negeri sahaja dan syarikat tidak dibenarkan membuka cawangan di mana-mana tempat lain.

SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT

Saya
No. Kad Pengenalan Jawatan
bagi pihak syarikat
dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- (a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Bebaya TANPA kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan;
- (c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (d) tidak berada dalam tempoh penggantungan atau syarikat yang disenarai hitam oleh MOTAC semasa permohonan dibuat;
- (e) tiada sebarang tunggakan "*award*" di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubung pelancongan;
- (f) Tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan.
- (g) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga/ Pemegang Saham/ Pengurus syarikat yang dilantik sahaja;
- (h) akan mematuhi keperluan dan kehendak yang ditetapkan mana-mana pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi (jika berkaitan).

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :

Saksi
Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :

LAMPIRAN C**TEMPOH PEMERIKSAAN PREMIS OLEH PEJABAT MOTAC NEGERI**

| PERKARA | ZON A | ZON B | ZON C | CATATAN |
|-------------------------|---|--|--|---|
| NEGERI | Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya, Johor dan Sabah | Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Sarawak | Perlis dan Wilayah Persekutuan Labuan | - |
| PIAGAM PELANGGAN | 2 bulan daripada penerimaan dokumen pemeriksaan premis | 1 bulan daripada penerimaan dokumen pemeriksaan premis | 14 hari daripada penerimaan dokumen pemeriksaan premis | Mengambil kira faktor geografi dan demografik negeri. |

**SENARAI PERSATUAN AGENSI PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN
AGENSI PENGEMBARAAN YANG DIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

1. Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia
(MATTA – Malaysia Association of Tour & Travel Agent)
2. Persatuan Agensi Perlancongan dan Pengembaraan Bumiputera
(BUMITRA – Bumiputera Travel And Tour Agents Association of Malaysia)
3. Persatuan Pelancongan Cina Malaysia
(MCTA – Malaysia Chinese Tourism Association)
4. Persatuan Pelancongan dan Pengembaraan India Malaysia
(MITTA – Malaysia Indian Tour & Travel Association)
5. Pertubuhan Pelancongan Dalam Negeri Malaysia
(MITA – Malaysia Inbound Tourism Association)
6. Persatuan Kereta Sewaaan Malaysia
(CRAM – Car Rental Association of Malaysia)
7. Persatuan Selam Skuba Malaysia
(MSDA - Malaysia Scuba Diving Association)
8. Persatuan Agensi Pelancongan Umrah Dan Haji (PAPUH)

LAMPIRAN E

SYARAT KELUASAN PREMIS PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN/PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

| KELULUSAN PERMOHONAN | KAWASAN BANDAR (MAJLIS BANDARAYA & MAJLIS PERBANDARAN) | KAWASAN LUAR BANDAR (MAJLIS DAERAH) | Pengecualian KELUASAN PREMIS (TIADA HAD KELUASAN MINIMA) |
|-----------------------------------|---|--|--|
| | KELUASAN MINIMA (KPS) | | |
| Lesen Induk (Ibu Pejabat) | Keluasan minima premis 100 kaki persegi | | - |
| Lesen Tambahan (Pejabat Cawangan) | Keluasan minima premis 50 kaki persegi | | (1) <i>Ticket/Tour Counter</i> di lapangan terbang, jeti pelancongan dan terminal bas (2) <i>Tour Desk</i> di Lobi hotel (3) <i>Kiosk / Booth</i> di Kompleks Beli-belah |

Nota : KPS ialah Kaki Persegi